AWARENESS
PERAKAUNAN AKRUAN

NORASIKIN BINTI NORDIN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG

KANDUNGAN

- Objektif
- Latar Belakang Perakaunan Akruan
- Faedah Perakaunan Akruan
- Perubahan Sistem Perakaunan
- Piawaian Sektor Awam
- Definisi Perakaunan
- Proses Perakaunan
- Kitaran Perakaunan
- Persamaan Perakaunan

- Asas-asas Perakaunan
- Kategori Akaun
- Komponen Penyata Kewangan
- Persekitaran 1SPEKS
- Jadual Pelaksanaan go Live
- Module 1SPEKS
- Polisi Pengguna 1SPEKS
- Strategy Pelaksanaan Pentadbiran Pengguna 1SPEKS
- Kesimpulan

OBJEKTIF

Perubahan Landskap Perakaunan



Mengetahui Definisi Perakaunan



Prinsip, Asas dan Persamaan Perakaunan

Definisi Perakaunan Aset, Liabiliti, Hasil dan Perbelanjaan

Kitaran Perakaunan

LATAR BELAKANG PERAKAUNAN AKRUAN



TRANSFORMASI PERAKAUNAN SEKTOR AWAM



FAEDAH PERAKAUNAN AKRUAN

PERUBAHAN SISTEM PERAKAUNAN

TUNAI UBAHSUAI

- Aset Tidak Dipermodalkan ;
- Liabiliti direkod Diluar Sistem Perakaunan ;
- Sistem Tidak Berpusat ;
- Mematuhi IPSAS Perakaunan Tunai ;
- Kos Maklumat Tidak Diintegrasikan .

AKRUAN

- Memperakaun Aset dan Liabiliti ;
- Sistem Berpusat Dengan Single Database ;
- Berintegrasi dengan OBB dan Sistem-Sistem Lain ;
- Mematuhi MPSAS Perakaunan Akruan ;
- Kos Data Output, Program dan Aktiviti ;
- Memperakaun Akaun Belum Bayar –ABB (Pemiutang) ;
- Memperakaun Akaun Belum Terima –ABT (Penghutang) .

PIAWAIAN SEKTOR AWAM

IPSAS

INTERNATIONAL PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS

DIADAPTASI KEPADA

MPSAS

MALAYSIA PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS

MPSAS

MPSAS 1	Presentation of Financial Statements
MPSAS 2	Cash Flow Statements
MPSAS 3	Accounting Policies, Changes In Accounting Estimates and Errors
MPSAS 4	The Effects of Changes In Foreign Exchange Rate
MPSAS 5	Borrowing Cost
MPSAS 6	Consolidated and Separate Financial Statements
MPSAS 7	Investment in Associates
MPSAS 8	Interest In Joint Venture
MPSAS 9	Revenue From Exchange Transactions
MPSAS 11	Construction Contract

MPSAS 12	Inventories
MPSAS 13	Leases
MPSAS 14	Event After The Reporting Date
MPSAS 16	Investment Property
MPSAS 17	Property, Plant and Equipment
MPSAS 19	Provision, Contigent Assets & Contigent Liabilities
MPSAS 21	Impairment of Non-Cash-Generating Assets
MPSAS 23	Revenue From Non-Exchange Transactions
MPSAS 24	Presentation of Budget Information in Financial Statements
MPSAS 25	Employee Benefits

MPSAS

MPSAS 26	Impairment of Cash-Generating Assets
MPSAS 27	Agriculture
MPSAS 28	Financial Instrument: Presentation
MPSAS 31	Intangible Assets

MPSAS yang telah diterjemah dalam Bahasa Malaysia:-

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 9	Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 12	Inventori
MPSAS 17	Hartanah Loji dan Peralatan

DEFINISI PERAKAUNAN

Perakaunan merupakan satu proses mengenal pasti, merekod, mengelas dan meringkas semua urusniaga secara sistematik dalam nilai mata wang dan melaporkan kepada pihak yang berkepentingan atau pembuat keputusan.

PROSES PERAKAUNAN

Perakaunan terdiri daripada lima (5) proses utama:

PROSES PERAKAUNAN

ILUSTRASI : Jabatan A membuat perolehan alatulis bernilai RM21,000 daripada Pembekal B



Contoh Imbangan Duga

IMBANGAN DUGA PADA ……

	DEBIT	KREDIT
	RM	RM
Aset semasa & bukan semasa	XX	
Belanja	XX	
Belian	XX	
Pulangan Jualan/masuk	XX	
Hasil		XX
Jualan		XX
Pulangan Belian/keluar		XX
Liabiliti Semasa & bukan Semasa		XX
Ekuiti Pemilik		XX

KITARAN PERAKAUNAN

PERSAMAAN PERAKAUNAN

Persamaan Perakaunan Asas Tunai

Tunai + Pelaburan = Akaun Hasil Disatukan
+
Akaun Pinjaman Disatukan
+
Akaun Amanah Disatukan

Persamaan Perakaunan Asas Akruan

Aset Bersih / Ekuiti = Aset - Liabiliti

ASAS-ASAS PERAKAUNAN

Asas Perakaunan mengenalpasti titik masa bilamana Hasil, Perbelanjaan, Pindahan Wang dan Tanggungan-Tanggungan patut di iktiraf. Antara Asas-Asas Perakaunan:

DEFINISI AKRUAN (MPSAS 1)

Asas Akruan bermakna satu asas yang digunakan dalam perakaunan untuk mengiktiraf urus niaga dan peristiwa apabila ia berlaku *(ia bukan sahaja apabila wang tunai atau yang setaraf dengannya yang diterima atau dibayar*).

Oleh itu, urus niaga dan peristiwa yang dicatatkan dalam rekod-rekod perakaunan akan diiktiraf serta merta dalam penyata kewangan tempoh kepada mana ia berkait. Unsur-unsur yang diiktiraf di bawah perakaunan akruan adalah Aset, Liabiliti, Aset Bersih / Ekuiti, Hasil dan Perbelanjaan.

DEFINISI TUNAI UBAHSUAI (PPK 1)

Semua Urus Niaga Terimaan dan Bayaran Kerajaan Diakaunkan Mengikut Asas Tunai. Walaubagaimanapun Bekalan dan Perkhidmatan Yang Diterima Sehingga 31 Disember Boleh Dikenakan Kepada Peruntukan Tahun Kewangan Berkenaan Jika Dibayar Dalam Bulan Januari Tahun Berikutnya Melalui Akaun Kena Bayar (AKB).

Membenarkan Pembayaran Bagi Tahun Semasa Dibuat Dalam Bulan Januari Tahun Berikutnya.

PERBANDINGAN

Perakaunan Tunai	Perakaunan Tunai Ubahsuai	Perakaunan Akruan
• Perakaunan yang mengiktiraf dan merekod sesuatu urusniaga dan peristiwa apabila tunai telah diterima dan dibayar dalam tempoh perakaunan tersebut .	• Perbelanjaan oleh kerajaan menggunakan peruntukan tahun semasa dan pembayaran dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya. • Tempoh perakaunan dilanjutkan menjadi tiga belas bulan atau dikenali sebagai Akaun Kena Bayar (AKB).	• Perakaunan yang mengiktiraf sesuatu urusniaga dan peristiwa apabila ianya berlaku dan merekodkan dalam rekod perakaunan dalam tempoh urus niaga tersebut berlaku. • Perbelanjaan – *incurred* • Hasil - *earned*

PERBANDINGAN

	ASAS TUNAI	ASAS AKRUAN
HASIL	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada penerimaan tunai.	Pengiktirafan dan perekodan dibuat apabila hasil telah dikenalpasti boleh atau layak diterima pada sesuatu masa walaupun tiada penerimaan tunai.
BELANJA	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada pembayaran tunai.	Pengiktirafan dan perekodan dibuat apabila urusniaga perbelanjaan berlaku walaupun pembayaran belum dibuat.
ASET BUKAN SEMASA	Dikenakan sepenuhnya kepada perbelanjaan pada masa ianya diperolehi. Tiada belanja susutnilai.	Diiktiraf dan direkodkan selama tempoh usia guna serta dipermodalkan. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh penggunaan.
LIABILITI	Tidak diiktiraf atau direkodkan.	Tanggungan/Obligasi yang perlu dibayar tetapi belum dibuat bayaran akan diiktiraf dan direkodkan.

RUJUK: PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 4 TAHUN 2013

KATEGORI AKAUN

ASET

LIABILITI

EKUITI

HASIL

BELANJA

ASET

Sumber ekonomi yang dimiliki atau dibawah kawalan sesebuah organisasi yang digunakan bagi menjalankan operasinya

ASET SEMASA

Aset yang senang berubah bentuk dan nilai dalam satu tempoh perakaunan

Aset yang boleh bertukar menjadi tunai dalam tempoh yang cepat.

Contoh : Tunai, Bank, Inventori, Akaun Belum Terima(ABT), Belanja Prabayar, Hasil Terakru

ASET BUKAN SEMASA

Digunakan untuk menjalankan perniagaan dan bukan untuk tujuan jualan semula.

Aset yang tahan lama dan kekal untuk beberapa tempoh perakaunan.

Contoh : Mesin, kenderaan, Bangunan,Tanah

LIABILITI

Tanggungan hutang kepada pihak luar yang perlu dijelaskan dengan tunai, barangan atau perkhidmatan

LIABILITI SEMASA

Tanggungan hutang yang boleh dijelaskan dalam satu tempoh perakaunan.

Contoh : Akaun Belum Bayar(ABB), overdraft bank, belanja terakru, hasil terdahulu.

LIABILITI BUKAN SEMASA

Tanggungan hutang yang perlu dibayar balik dalam tempoh masa yang lebih panjang iaitu lebih daripada satu tahun.

Contoh : Pinjaman bank, Gadaijanji.

HASIL

Semua jenis pendapatan yang diterima oleh Kerajaan dalam bentuk cukai, yuran,lesen atau lain-lain terimaan.

HASIL KENDALIAN

Pendapatan yang diterima secara langsung daripada aktiviti utama sesuatu perniagaan.

Contoh : hasil perkhidmatan, hasil pendaftaran pesakit, hasil sijil amalan tahunan, hasil pendaftaran pengamal pergigian.

HASIL BUKAN KENDALIAN

Pendapatan yang diterima secara tidak langsung/ tiada kaitan daripada aktiviti utama sesuatu perniagaan.

Contoh : sewa diterima, faedah bank, dividen diterima. Untung diatas jualan aset tetap

EKUITI

Baki kepentingan (residual interest) dalam entiti selepas ditolak semua liabiliti

Keuntungan =tambah ekuiti

Kerugian = kurang ekuiti

Pertambahan belanja = kurang ekuiti

Pengurangan belanja= tambah ekuiti

Pertambahan hasil = tambah ekuiti

Pengurangan hasil = kurang ekuiti

Contoh : Akaun Amanah, Lebihan/Defisit Terkumpul

BELANJA

1. **Kos perkhidmatan atau barangan yang digunakan untuk mendapatkan hasil atau menambah nilai aset bukan semasa.**
2. **Sebahagian daripada kos aset yang perlu dihapuskira – susutnilai & hutang lapuk**

Belanja Operasi

Perbelanjaan yang dilakukan untuk menjalankan aktivit-aktiviti operasi sesebuah organisasi.

Contoh : emolumen, alat tulis, sewa pejabat, susutnilai, utiliti,hutang lapuk

Belanja Modal

Belanja yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti harian.

Tujuan untuk mendapatkan atau menaiktaraf nilai aset bukan semasa.

Contoh : Pembelian kenderaan, pembinaan hospital/klinik.

PERBEZAAN PENGIKTIRAFAN PERAKAUNAN

PENGIKTIRAFAN HASIL	
ASAS TUNAI	**ASAS AKRUAN**
Hasil diiktiraf dan direkod pada 05 Mei 2015 apabila **TUNAI DITERIMA**.	Hasil diiktiraf dan direkod pada 25 April 2015 bersamaan tarikh **PERKHIDMATAN DIBERIKAN** walaupun tunai belum diterima.



PENGIKTIRAFAN PERBELANJAAN	
ASAS TUNAI	**ASAS AKRUAN**
Belanja diiktiraf dan direkod pada 05 Mei 2015 apabila **TUNAI DIBAYAR**.	Belanja diiktiraf dan direkod pada 25 April 2015 bersamaan tarikh **PENERIMAAN INVOIS** walaupun tunai belum dibayar.

PERBEZAAN PENGIKTIRAFAN PERAKAUNAN

LIABILITI

ASAS TUNAI	ASAS AKRUAN
Perbelanjaan diiktiraf dan direkod pada 5 Januari 2016 di dalam Penyata Kewangan 2016.	Perbelanjaan diiktiraf dan direkod pada 25 Disember 2015 dan dilapor sebagai **LIABILITI** di dalam **Penyata Kewangan 2015**.

ASET BUKAN SEMASA (PPE)

ASAS TUNAI	ASAS AKRUAN
Dikenakan kepada perbelanjaan 100% pada masa ianya diperolehi.	Diiktiraf/ direkodkan selama tempoh usia gunanya (mengambilkira **susut nilai**) dan dipermodalkan. Dilaporkan sebagai **ASET** di dalam Penyata Kewangan.

KOMPONEN PENYATA KEWANGAN

PERAKAUNAN TUNAI UBAHSUAI

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

PERAKAUNAN AKRUAN

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti
- Penyata Aliran Tunai
- Penyata Prestasi Bajet
- Nota: Terdiri Daripada Ringkasan Dasar Perakaunan dan Lain-Lain Nota

FORMAT PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN AKRUAN

	20X5	20X6
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Aset Alih	xxx	xxx
Aset Tak Alih	xxx	xxx
	xxx	xxx
Aset Semasa		
Bank /Tunai	xxx	xxx
Akaun Belum Terima (ABT)	xxx	xxx
Inventori	xxx	xxx
Prabayar	xxx	xxx
TOLAK		
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar (ABB)	xxx	xxx
Terakru	xxx	xxx
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman		
Plan Pencen dan Ganjaran	xxx	xxx
JUMLAH ASET BERSIH	xxx	xxx
EKUITI		
Lebihan/Defisit Terkumpul		
Akaun Amanah	xxx	xxx
	xxx	xxx
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI	XXX	XXX

❑PERSEKITARAN 1SPEKS

JADUAL PELAKSANAAN GO LIVE KERAJAAN NEGERI



SISTEM SPEKS

Merangkumi 11 Modul iaitu:

Modul Kawalan

- Kawalan Data
- Sekuriti

Modul Operasi

- Lejar AM
- Bajet
- PTJ Kewangan
- Gaji
- Sistem Lejar Akaun Subsidiari
- Aset
- Sistem Pinjaman
- Sistem Pelaburan
- Sistem Maklumat Pengurusan



Skrin Menu Utama Sistem SPEKS

MODUL 1SPEKS



CARTA AKAUN AKRUAN (CAA)



PERBEZAAN PENGGUNAAN CAA

B0111101 GAJI BIASA KAKITANGAN AWAM

H0161199 CUKAI TANAH YANG LAIN

PERUBAHAN PROSES KERJA TERIMAAN

SPEKS

Peranan PTJ → **Peranan AN**

Sedia → Semak → Lulus

Semak → Lulus

Melalui 2 peringkat iaitu di PTJ dan AN dan perlu menyediakan Penyata Penyesuaian Hasil di antara PTJ dan AN

1SPEKS

Peranan PTJ

Sedia → Semak → Lulus

Melalui 1 peringkat PTJ sahaja dan mempercepatkan kemaskini data hasil ke dalam laporan kerana dikawal oleh PTJ sendiri

PESANAN KERAJAAN / INDEN

SPEKS

- LO / INDEN Di Sediakan Terus Di Peringkat PTJ
- Peranan AN Berada Di Fasa Terakhir Proses Bayaran
- **PENYESUAIAN PERLU DILAKUKAN** Di Antara PTJ Dan AN

1SPEKS

- LO/INDEN Dikeluarkan Selepas Semua Maklumat Disahkan Oleh AN
- Proses Bayaran Bergantung Kepada Kelulusan Di Peringkat PTJ
- **TIADA PENYESUAIAN** Dilakukan Di Antara PTJ Dan AN

ACCOUNTABILITY

PESANAN KERAJAAN / INDEN

SPEKS

Peranan PTJ

Sedia → Semak → Lulus — **Cetak Inden / LO**

Sedia → Semak → Lulus — **Sedia Bil Invois**

Sedia → Semak → Lulus — **Cetak Baucer Bayaran**

Peranan AN

Semak → Lulus — **Posting Cek / EFT**

1SPEKS

Peranan PTJ

Sedia

Peranan AN

Semak & Sah

Peranan PTJ

Semak → Lulus — **Cetak Inden / LO**

Sedia → Semak → Lulus — **Cetak Baucer Bayaran**

Posting Cek / EFT

KESIMPULAN

- **Pelaksanaan Perakaunan Akruan akan menambah nilai kepada pelaksanaan 'Outcome Based Budgeting' (OBB) dan 'Activity Based Costing' (ABC) seterusnya dapat membawa kepada kecekapan dan keberkesanan Dasar Fiskal negara.**

- **Maklumat, Data dan Pelaporan Kewangan Kerajaan dilaksanakan secara lebih menyeluruh berdasarkan prinsip "Benar dan Saksama"**

Tak Faham. Terangkan... (Bukan Ketawakan)

Tak Betul. Nasihatkan... (Bukan Diumpatkan)

Tak Tahu. Tunjukkan... (Bukan Dimarahkan)

Tak Jelas. Jelaskan... (Bukan Dirumitkan)

Tak Mampu. Usahakan... (Bukan Dimanjakan)

Tak Percaya ??? Renung-renungkan

SEKIAN
TERIMA KASIH